

# Persekutuan silat kebangsaan akan ditubuhkan

10 SEP 1983

**PENCAK SILAT**  
KUALA LUMPUR, Jumaat — Persekutuan silat kebangsaan akan dibentuk dalam satu sidang penubuhan yang diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 24 September ini. Sidang penubuhan itu akan diadakan di Hotel Kuala Lumpur International di sini.

Di sidang itu, setiap negeri diminta menghantar perwakilan dan pemerhati, iaitu empat orang dari setiap badan silat dan lima wakil dari persatuan silat di peringkat kebangsaan.

Penolong Pengarah Unit Kesenian Tradisional Kementerian itu, Encik Abdul Rahman Hassan menyatakan, matlamat penubuhannya ialah menjadikan seni silat sebagai asas ketahanan nasional yang kukuh dengan ahli-ahlinya yang bermaruah, bersatu, sihat dan berdisiplin.

Jelasnya, penubuhan itu juga bertujuan untuk menyatu-padukan ahli-ahli silat dari 200 jenis silat di negara ini termasuk silat cekak, Gayung Petani, Gayung Malaysia, Lincak dan Sendeng.

Di samping itu, katanya, dengan adanya penubuhan persekutuan silat ini, ia akan menjadi satu badan perunding, penyelaras, pejuang dan penasihat dalam hal persilatan negara.

Kata Encik Abdul Rahman, usaha-usaha untuk mengumpul badan-badan induk pertubuhan silat sudah dimulakan sejak lima tahun lalu. Pada awal Ogos lalu satu mesyuarat pra-persidangan antara ahli-ahli silat membincangkan penubuhan Persekutuan Silat ini.

# Badan kerabat Persisi yg tak aktif -1 DEC 1983 akan digugur?

**PENCAK SILAT**

**BADAN-BADAN** kerabat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang tidak aktif akan digugurkan keanggotaan mereka untuk memastikan bahawa kegiatan silat dapat benar-benar berkembang di masa depan.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, berkata langkah itu akan ditimbulkan dalam mesyuarat agung dwi-tahunan badan induk silat itu pada 8 Januari 1984.

Menurutnya, sejauh ini sekurang-kurangnya empat buah badan kerabat didapati tidak bergerak seperti yang diharapkan.

Beliau memberi amaran bahawa kerabat-kerabat yang gagal menghantar laporan kegiatan mereka sepanjang 1982/83 selewat-lewatnya pada 15 Disember ini, akan juga digantung keanggotaan mereka.

Persisi dianggotai oleh 11 buah badan kerabat dan 14 jenis perguruan silat.

Encik Johari menarik perhatian bahawa Persisi memandang serius kegiatan badan-badan kerabatnya kerana "sudah sampai masanya silat ditingkatkan tahap perkembangannya. Silat sebagai warisan budaya kita masti

dimajukan dari masa ke masa".

Untuk memastikan bahawa mutu silat berkembang sihat, Persisi juga telah memutuskan untuk mengenakan lima syarat yang mesti dipatuhi oleh pesilat-pesilat yang hendak mendaftarkan diri sebagai jurulatih.

Antara syarat itu ialah seni silat yang diajar mestilah diiktirafkan oleh badan induk itu.

Para jurulatih juga dikehendaki mengajar hanya satu seni silat dan semua sijil yang dikeluarkan hendaklah mempunyai pengesahan dari Persisi.

## Taraf

Soal menetapkan taraf seseorang pesilat itu juga mestilah dirujuk dahulu kepada Persisi.

Encik Johari menerangkan bahawa syarat-syarat itu bukan bertujuan mengekang kegiatan jurulatih-jurulatih silat.

"Tujuan kami ialah menjaga nilai silat yang diajar agar usaha kita hendak mengembangkan warisan budaya itu dapat dicapai," katanya.

Persisi juga berharap langkah tersebut akan meningkatkan lagi taraf silat yang diajar.